

Tarikh Dibaca: 1 Syawal 1446H



ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE

KHUTBAH EIDULFITRI

Tajuk:

**“EIDULFITRI:
KEMBALI KEPADA FITRAH”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"EIDULFITRI: KEMBALI KEPADA FITRAH"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ

الْكَافِرُونَ، وَلَوْ كَرِهَ الْفَاسِقُونَ، وَلَوْ كَرِهَ الظَّالِمُونَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ

وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ

الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ

ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن

تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾¹

¹ Al-A'raf: 172

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hadirin Muslimin-Muslimat yang dikasihi Allah SWT Sekalian,

Pada pagi Eidulfitri yang mulia dan penuh keberkatan ini, marilah kita sama-sama memperbanyakkan rasa syukur serta mempertingkatkan lagi ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa. Ketaqwaan yang bersungguh-sungguh sehingga kita benar-benar merasai rasa tanggungjawab untuk mentaati segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Mudah-mudahan kita

² Ali-Imran: 102.

semua diberi keberkatan, perlindungan dan kejayaan di dunia dan juga di Akhirat.

Marilah sama-sama kita hayati khutbah Eidulfitri pada tahun ini bertajuk, "**EIDULFITRI: KEMBALI KEPADA FITRAH**".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hadirin Muslimin-Muslimat yang dikasihi Allah SWT sekalian.

Pada pagi yang penuh berbahagia ini, kita berkumpul dalam suasana gembira menyambut Eidulfitri setelah sebulan bermujahadah dan beribadah mengikuti madrasah Ramadhan. Hari ini bukan sekadar hari kemenangan, akan tetapi lebih daripada itu, ia adalah hari di mana kita kembali kepada fitrah asal kejadian.

Eidulfitri adalah simbolik kepada suatu perjalanan spiritual, satu kepulangan kepada asal diri manusia yang suci, bersih, dan tunduk sepenuhnya kepada Allah SWT. Fitrah bermaksud sifat semula jadi atau naluri yang telah tertanam dalam diri manusia sejak asal penciptaannya.

Eidulfitri mengingatkan kita bahawa fitrah manusia pada hakikatnya mengenali dan bersaksi bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang Maha Pencipta. Dialah Tuhan yang mentadbir alam ini.

Firman Allah SWT di dalam surah al-A'raf ayat 172 yang bermaksud:

"Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Dia (Allah) jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil

bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi".

Atas dasar inilah, Allah SWT mengutuskan para Nabi dan Rasul bersama risalah-Nya untuk mengingatkan manusia akan iqrar dan pengakuan mereka, bahawa tiada Tuhan yang wajib disembah melainkan Allah SWT.

Eidulfitri mengajar kita bahawa fitrah manusia pada asasnya cenderung kepada mentauhidkan Allah SWT dan menerima agama Islam yang diutuskan oleh Allah SWT, sebagai cara hidup sesuai dengan fitrah manusia.

Firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rum, ayat 30:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا
لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا
يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

"Maka hadapkanlah dirimu (wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."

Kita hendaklah faham bahawa agama Islam adalah satu-satunya agama yang benar di sisi Allah SWT, dan tiada mana-mana agama pun yang

menyamainya. Oleh itu berpegang teguhlah dengan agama Allah SWT ini demi kebahagiaan dan kejayaan kita di dunia mahupun di akhirat.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin-Muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Eidulfitri menyedarkan kita bahawa fitrah manusia adalah suci. Setiap manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu bersih dan suci daripada sebarang dosa dan noda, akan tetapi persekitaran dan asuhanlah yang akan membentuk keadaan dan peribadi manusia.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ
يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

"Setiap anak yang dilahirkan adalah dalam keadaan fitrah (bersih dan suci), maka kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Oleh itu, didiklah diri, pasangan dan anak-anak kita supaya sentiasa berada di atas landasan yang betul, wujudkan persekitaran dan suasana yang baik dengan mendirikan solat fardu secara berjemaah di masjid atau di surau, menghadiri majlis-majlis ilmu, serta mendekatkan diri kepada ulamak yang merupakan pewaris para Nabi dan Rasul.

Eidulfitri hakikatnya mengajak kita menginsafi bahawa fitrah manusia pada dasarnya suka kepada kebaikan dan inginkan kebenaran. Manusia secara semula jadi mengenali baik dan buruk serta memiliki naluri untuk berbuat baik.

Firman Allah SWT dalam surah al-Shams ayat 7-10:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّيْنَاهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ
زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

"Dan demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadian (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Lalu mengilhamkan (untuk mengenal jalan) yang membawa kepada kejahatan dan yang membawanya kepada ketakwaan. Sesungguhnya telah berjaya orang yang menyucikan jiwanya (dengan iman dan amal soleh). dan sesungguhnya telah rugi orang yang mengotorinya (dengan sebab maksiat)."

Dari itu, bersihkanlah jiwa dan hati ini daripada sifat-sifat mazmumah (iaitu sifat-sifat yang keji), seperti riak, sombong, takabbur dan suka mementingkan diri sendiri. Sebaliknya tanamlah sifat-sifat mahmudah (iaitu sifat-sifat yang terpuji), seperti sifat tawadhuk, merendah diri, bersabar dan bersyukur terhadap nikmat yang diberi.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin-Muslimat yang berbahagia,

Eidulfitri membenarkan hakikat bahawa fitrah manusia secara nalurinya ingin hidup berkeluarga. Manusia diciptakan dengan naluri untuk

berpasangan bagi meneruskan zuriat dan keturunan, di samping mencari ketenangan jiwa.

Firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rum ayat 21:

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا
إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

"Dan di antara tanda-tanda (kebesaran)-Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri agar kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan Dia menjadikan di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir."

Jadikanlah institusi kekeluargaan sebagai asas kebahagiaan dan pembinaan masyarakat Islam yang berjaya. Bimbinglah keluarga ke arah kehidupan yang dirahmati dan diredhai oleh Allah SWT. Ajarilah isteri dan anak-anak dengan asas pendidikan agama serta ilmu fardu ain yang mencukupi.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin-Muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Eidulfitri mengembalikan kenyataan bahawa fitrah manusia pada asal penciptaannya adalah bersaudara. Ini kerana kesemua manusia adalah

berasal dari satu keturunan yang sama iaitu keturunan Nabi Adam Alaihissalam.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Nisa' ayat 1:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ
وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (iaitu Adam Alaihissam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya iaitu Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai."

Kekuatan persaudaraan ini lebih kukuh lagi serta dirahmati jika manusia beriman kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara. Maka damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat."

Bahkan keimanan seseorang tidak sempurna tanpa ada rasa kasih dan belas terhadap saudaranya sesama mukmin.

Hadis daripada Anas Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Tidak beriman salah seorang daripada kamu sehingga dia mengasihi (atau menyukai) untuk saudaranya apa yang dia sukai untuk dirinya sendiri."

(Riwayat al-Bukhari).

Begitulah hakikat kita umat Islam, adalah *ummatan wahidah* iaitu umat yang satu. Pupuklah rasa ukhuwah sesama kita, agar Islam tetap teguh dan bersatu padu.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin-Muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Pada hari yang mulia ini, sewajarnya kita menginsafi diri serta bertaubat kepada Allah SWT. Di samping mengambil kesempatan untuk saling bermaafan atas segala kesalahan, merapatkan kembali hubungan, dan menyuburkan kasih sayang di antara kita. Jangan jadikan sambutan Eidulfitri sekadar adat dan budaya, tetapi jadikan ia sebagai suatu peluang untuk menyucikan hati dan memperbaiki hubungan dengan keluarga, sahabat, dan jiran tetangga.

Imam Ibnu Rajab al-Hanbali Rahimahullah menyebutkan dalam kitabnya *Lata'if al-Ma'arif*:

لَيْسَ الْعِيدُ مَنْ لَبَسَ الْجَدِيدَ، إِنَّمَا الْعِيدُ مَنْ طَاعَاتُهُ
تَزِيدُ. لَيْسَ الْعِيدُ مَنْ تَجَمَّلَ بِاللِّبَاسِ وَالرُّكُوبِ، إِنَّمَا الْعِيدُ مَنْ
غُفِرَتْ لَهُ الذُّنُوبُ.

"Hari Raya itu bukanlah bagi orang yang berpakaian baru, tetapi Hari Raya itu adalah bagi orang yang ketaatannya bertambah. Hari Raya itu bukanlah bagi orang yang bergaya dengan pelbagai pakaian dan kenderaan, tetapi Hari Raya itu adalah bagi orang yang dosa-dosanya mendapat keampunan".

Imam Ibnu Rajab turut memetik kata Imam al-Hasan al-Basri Rahimahullah iaitu katanya:

"Setiap hari yang tidak ada penderhakaan terhadap Allah padanya, maka itulah Hari Raya. Setiap hari yang dilalui seorang mukmin dalam keadaan mentaati Tuhannya, mengingati dan mensyukuri-Nya, maka itulah Hari Raya baginya".

Oleh itu, marilah kita menghayati hakikat bahawa Eidulfitri adalah mensyukuri nikmat Allah SWT, menguatkan lagi keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT, masa untuk memperkukuhkan ukhuwah islamiyyah, merapat dan menyambung semula silaturrahim, memperluaskan sifat pemurah, dan membantu mereka yang memerlukan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin-Muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah Eidulfitri pada tahun ini, marilah kita hayati dan mengambil pedoman terhadap perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah bersyukur kepada Allah SWT kerana pada hari ini kita telah kembali kepada fitrah diri yang bersih dan suci.
2. Umat Islam hendaklah menjalani hidup dengan cara hidup Islam, kerana Islam adalah satu-satunya agama di sisi Allah SWT yang selaras dengan fitrah kejadian manusia.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa memelihara hubungan sesama muslim, kerana hakikatnya kita bersaudara dan saling memerlukan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ
عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ
إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ
اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

"Dan berpegang teguhlah kamu semua pada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu berpecah belah. Dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa Jahiliyyah dahulu) lalu, Allah menyatukan hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam) maka, menjadilah kamu dengan nikmat-Nya itu orang Islam yang bersaudara dan (dahulu) kamu berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran

kamu semasa Jahiliyyah). lalu Allah menyelamatkan kamu daripada neraka (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayah petunjuk".

(Surah Ali 'Imran: 103).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ
هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ مُعِيدِ الْجَمْعِ وَالْأَعْيَادِ، وَمُبِيدِ الْأُمَمِ وَالْأَجْنَادِ،
وَجَامِعِ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ، إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَفْضَلُ عَلَى جَمِيعِ الْعِبَادِ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin dan Muslimat yang dihormati sekalian,

Ramadhan telah pun berlalu, meninggalkan kita dengan pelbagai kenangan ibadah, keinsafan dan keampunan. Namun, persoalannya, apakah

yang berlaku selepas Ramadhan? Adakah kita akan kembali kepada rutin lama atau kita terus istiqamah dalam amal kebaikan yang telah kita bina sepanjang bulan yang mulia ini?

Salah satu tanda kejayaan seseorang dalam menjalani tarbiyah Ramadhan adalah apabila dia terus mengekalkan amalan kebaikan selepasnya. Allah SWT berfirman dalam Surah Fussilat, ayat 30:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan: 'Tuhan kami ialah Allah,' kemudian mereka tetap istiqamah, maka malaikat akan turun kepada mereka (dengan berkata): Janganlah kamu takut dan janganlah kamu bersedih hati, dan bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan kepadamu."

Oleh itu, marilah kita sama-sama mengekalkan amalan solat berjemaah, membaca al-Quran, berzikir, bersedekah, dan mengekalkan semangat beribadah sebagaimana di bulan Ramadhan.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَالِ

مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ
